

Headline	Pesakit HIV rayu tangguh hukuman		
MediaTitle	Sinar Harian (Utara)		
Date	07 Jul 2012	Color	Black/white
Section	NEWS	Circulation	60,000
Page No	u4	Readership	180,000
Language	Malay	ArticleSize	110 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 440
Frequency	Daily	PR Value	RM 1,320



Pesakit HIV rayu tangguh hukuman

GEORGETOWN - "Puan, saya minta hukuman ini ditangguhkan dulu kerana saya mahu cari duit untuk bayar denda. Tak lama lagi saya dah nak dapat gaji."

Begitulah rayuan seorang pesakit HIV yang dituduh memiliki dadah 28 Mei lalu.

Teh Chong Yam, 36, didakwa memiliki 0.69 gram dadah jenis heroin dan monoacetylmorphines selepas polis melakukan pemeriksaan ke atasnya di hadapan sebuah rumah di Lebuhraya Batu Lanchang, Medan Penaga di sini.

Mengikut pertuduhan, Chong Yam didakwa mengikut Seksyen 12(2) Akta Dadah Berbahaya 1952 yang boleh dihukum bawah Seksyen 39(A)(2) Akta yang memperuntukkan hukuman penjara maksimum seumur hidup dan 10 sebatan.

Tertuduh yang hanya tunduk ketika mendengar pertuduhan dibacakan jurubahasa hanya menganggukkan kepala sebagai tanda mengaku bersalah.

Bagaimanapun, tertuduh merayu agar hukuman ditangguhkan sementara bagi memberi peluang

dia mengumpul wang untuk membayar denda sekiranya dijatuhkan hukuman nanti.

Chong Yam yang mengakui baru sahaja bekerja sebagai tukang cat hanya memperoleh pendapatan RM700 sebulan.

Majistret Noor Aini Yusof menetapkan 25 Julai akan datang untuk keputusan hukuman berikutan penjamin kepada tertuduh gagal hadir di mahkamah.

Kes dikendalikan Timbalan Pendakwa Raya, Nur Azizah Jaafar.